

PENTADBIRAN AUSTRIA-HUNGARY DALAM EKONOMI DAN SOSIAL DI BOSNIA-HERZEGOVINA 1879-1908 (ADMINISTRATION OF AUSTRIA-HUNGARY IN THE ECONOMY AND SOCIAL IN BOSNIA-HERZEGOVINA 1879-1908)

Azlizan Binti Mat Enh¹

Abstrak

Kerajaan Austria-Hungary telah mengambil Bosnia-Herzegovina untuk diletakkan di bawah pemerintahan sementara kerajaan itu pada tahun 1878. Ini ekoran kegagalan kerajaan Turki Uthmaniah menamatkan pemberontakan yang berlaku di Bosnia-Herzegovina pada tahun 1875. Baron Von Kallay², iaitu menteri kewangan yang dipertanggungjawabkan ke atas tanah jajahan Austria-Hungary di Bosnia Herzegovina, menyedari bahawa sekiranya hati masyarakat Bosnia dapat ditawan dan dapat diamankan, tentu rakyat Bosnia Herzegovina tidak akan menoleh lagi kepada saudara mereka iaitu Rusia dan Serbia. Mereka merupakan dua pesaing utama kerajaan Austria-Hungary dalam menentukan pengaruh dan kekuasaan Austria-Hungary di Bosnia Herzegovina. Objektif artikel ini adalah untuk menganalisis usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan Austria-Hungary dalam pentadbiran ekonomi dan sosial di Bosnia-Herzegovina. Metodologi yang digunakan dalam artikel ini adalah analisis data-data yang diperolehi daripada arkib London(Public Record Office) Hasil kajian mendapati bahawa reformasi yang dilakukan oleh kerajaan Austria-Hungary dalam pentadbiran ekonomi dan sosial berjaya memperkukuhkan lagi kedudukan dan pengaruh mereka di Bosnia Herzegovina walaupun reformasi tersebut gagal membawa keamanan kepada Bosnia-Herzegovina.

Kata Kunci: Bosnia-Herzegovina, ekonomi, sosial, Austria-Hungary, reformasi

Abstract

Government of Austria-Hungary has annexed Bosnia-Herzegovina to be placed under the temporary administration of the kingdom in 1878. This is due to the failure of Ottoman's government to end the rebellion in Bosnia-Herzegovina in 1875. Baron von Kallay, the finance minister who has been assigned to be responsible to the colony of Austria-Hungary in Bosnia and Herzegovina, realized that if the hearts of the people of Bosnia can be captured and can be secured, the people of Bosnia and Herzegovina will not turn again their brothers, namely Russia and Serbia. These are the two main competitors for Austro-Hungarian empire because they can influence the power of Austria-Hungary in Bosnia and Herzegovina. The objective of this article is to analyze the efforts made by the Austria-Hungary government in economic and social administration in Bosnia-Herzegovina. The methodology used in this article is through the analysis of documents obtained from the archives at Public Record Office in London. This study found that the reforms undertaken by the Austria-Hungary government in economic and social administration were successful in strengthening its position and influence in Bosnia and Herzegovina despite its failure to bring peace to Bosnia-Herzegovina.

2016 GBSE Journal

Keywords: Bosnia-Herzegovina, economy, social, Austria Hungary, reformation

¹ Pensyarah Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650. Selangor, Tel:0133972398 Emel: azlizan@ukm.edu.my.

² Baron Von Kallay, menteri kewangan Austria-Hungary dan juga Gabenor Jeneral yang dipertanggungjawab ke atas tanah jajahan Austria-Hungary di Bosnia Herzegovina dari tahun 1882 hingga 1903.

Pendahuluan

Rundingan Berlin 1878, telah mengesahkan pengambilan sementara Bosnia Herzegovina oleh kerajaan Austria Hungary. Keputusan tersebut dipersetujui oleh Kuasa-kuasa besar terutamanya England. Ini adalah kerana kebimbangan mereka terhadap penambahan kuasa dan pengaruh Rusia melalui kekuatan bangsa Slav di Semenanjung Balkan³. Oleh itu, mereka memberikan alasan bahawa penyerahan tersebut akan dapat mengurangkan tekanan kepada kerajaan Uthmaniah di Bosnia Herzegovina di samping memudahkan kerajaan tersebut memulihkan semula pentadbiran dalam empayarnya⁴. Kerajaan Uthmaniah pula hanya bersetuju menandatangani perjanjian tersebut setelah dapat memastikan dengan tepat bahawa pendudukan kerajaan Austria Hungary adalah bersifat sementara dan akan berakhir selepas keadaan di Bosnia Herzegovina dapat ditenangkan dan mencapai keadaan yang sempurna⁵. Langkah pertama yang dilakukan oleh kerajaan Austria-Hungary sejurus menduduki Bosnia-Herzegovina ialah melaksanakan reformasi dalam bidang ekonomi dan sosial.

Reformasi Ekonomi Bosnia-Herzegovina

Monopoli Tembakau

Kerajaan telah mengisytiharkan untuk melakukan pemilikan-kerajaan atau monopoli ke atas industri tembakau di Bosnia Herzegovina pada tahun 1880. Ramai di kalangan rakyat terutamanya petani-petani tidak berpuas hati dengan tindakan kerajaan tersebut. Kesan daripada monopoli tersebut, kerajaan telah membeli tembakau dengan harga yang rendah daripada golongan petani. Harga jualan dan pembelian tembakau oleh kerajaan juga tidak seragam di antara satu wilayah dengan wilayah yang lain iaitu bermula dengan 1 paun ke 15 paun semetrik (FO 7/1290, 1890).

Apa yang lebih memburukkan akibat monopoli tembakau ialah, meletakkan Bosnia Herzegovina dalam keadaan yang miskin dan menderita. Ini kerana ramai di kalangan rakyat yang berkerja di kilang-kilang tembakau telah kehilangan pekerjaan sejak monopoli kerajaan. Hanya segelintir pemuda sahaja yang berjaya mendapat pekerjaan di kilang tembakau, di mana selebihnya terdiri daripada pekerja wanita (FO 7/1005, 1880). Alasan kerajaan menggugurkan tenaga kerja di kilang-kilang tembakau, adalah kerana kebanyakan petani terdiri daripada orang tua yang telah berumur lima puluh tahun dan ke atas. Mereka dikatakan tidak berupaya untuk melakukan kerja dengan baik dan memuaskan. Tindakan tersebut, menyebabkan pekerja-pekerja yang diberhentikan ini tidak dapat melakukan apa-apa, selain berusaha untuk memperbaiki cara hidup mereka dengan pelbagai pekerjaan yang lain (FO 7/1290, 1890).

Percukain

Cukai pada keseluruhannya adalah semakin bertambah sejak pendudukan Austria-Hungary di Bosnia Herzegovina. Semasa pemerintahan kerajaan Uthmaniah, wilayah Serajevo tidak pernah membayar cukai tahunan sebanyak 2 million piastres⁶, tetapi mereka terpaksa membayar dengan harga yang begitu tinggi sekarang kepada kerajaan yang baru ini. Beban yang berat terpaksa ditanggung oleh penduduk. Selain itu, cukai juga telah dinaikkan ke atas

³FO 373/1/11 Bosnia And Herzegovina, handbook prepared under the direction of the historical section of foreign office no.10, Foreign Office, London, 1919, ms.20.

⁴ ibid.

⁵ ibid.

⁶ 1 piastres bersamaan dengan RM0.82. Ini adalah berdasarkan rujukan yang dibuat daripada 'World Currencies' pada Jun 2005.

semua barang-barang penting. Sebagai contoh, harga daging telah melambung tinggi dan meningkat sebanyak 200 peratus dari harga yang pernah mereka perolehi sebelum ini (FO 7/1005, 1880).

Tanah wakaf yang tidak pernah dikenakan cukai semasa pemerintahan kerajaan Uthmaniah telah dikenakan cukai di bawah kerajaan baru ini. Kerajaan Austria-Hungary telah menukar undang-undang tanah wakaf pada tahun 1883 yang membolehkan hasil pengeluaran dari tanah wakaf dikenakan cukai. Kerajaan telah membentuk satu majlis wakaf yang dikendalikan oleh ketua agama Islam yang dilantik khas oleh kerajaan. Tanah-tanah diserahkan dan diaudit oleh majlis ini. Kerajaan akan mengutip segala hasil dan menentukan kadar bayaran untuk kegunaan masjid dan sekolah agama. Tanah tersebut akan dikendalikan dan ditadbir oleh kerajaan pusat untuk pembinaan masjid dan sebagainya. Ini berbeza dengan sebelumnya di mana mereka bebas mewakafkan tanah tersebut secara bebas. Ramai masyarakat Muslim di Bosnia Herzegovina tidak berpuas hati dengan perubahan yang dilakukan ke atas tanah wakaf tersebut.

Selain itu, sumber pendapatan di Bosnia Herzegovina banyak bergantung kepada bidang pertanian. Oleh yang demikian hasil pendapatan mereka adalah bergantung kepada keadaan cuaca. Banyak aduan dibuat oleh petani-petani ke atas sistem pungutan cukai pertanian yang dibuat oleh kerajaan. Anggaran cukai pertanian adalah biasanya dilakukan pada bulan Ogos, iaitu sebelum hasil pertanian dikutip dan di mana harganya sedang tinggi. Kemudian, selepas dua bulan harganya jatuh daripada 100 peratus kepada 200 peratus. Sebagai contoh, cuaca yang buruk pada tahun 1879, banyak menjejaskan tanah pertanian mereka. Namun, kerajaan tetap mengenakan kadar cukai yang tinggi. Ini kerana hasil pertanian mereka dinilai sebelum sesuatu hasil pertanian itu dituai. Ini telah membebaskan petani-petani dan terpaksa menanggung kerugian (FO 7/1026, 1881).

Sejurus kedatangan kerajaan Austria-Hungary, mereka telah memansuhkan penggunaan matawang Turki. Ini bertentangan dengan artikel 4, perjanjian Austria-Turki yang ditandatangani pada April 1879. Mengikut konvensyen tersebut, matawang Turki akan terus digunakan dalam urusan perniagaan di Bosnia Herzegovina. Namun, kerajaan Austria-Hungary telah memansuhkan penggunaan matawang Turki dan menggantikan matawang tersebut dengan matawang Austria (FO 7/1026, 1881). Akibatnya, matawang Turki mengalami kejatuhan nilai dan rakyat terpaksa menanggung kerugiannya.

Perdagangan

Selain itu, dari segi perdagangan, Serajevo yang merupakan pasar besar dan pusat edaran utama sebelum ini di Bosnia Herzegovina telah ditutup (FO 7/1026, 1881). Pedagang-pedagang terpaksa membuat perniagaan langsung dengan bandar-bandar utama yang lain seperti di Trieste, Vienna, Pest, Grag dan bandar-bandar Austria yang lain. Serajevo hilang statusnya sebagai pusat perdagangan utama. Keadaan ini banyak menjejaskan peniaga-peniaga dari Serajevo (FO 7/1026, 1881). Pedagang-pedagang tempatan sering mengadu bahawa keadaan hanya berubah dari teruk kepada lebih buruk di bawah rejim baru ini. Semua perniagaan tergantung dan tergendala kerana menunggu masa yang sesuai untuk beroperasi kerana bimbang akan menanggung kerugian.

Selain itu, kedatangan Austria-Hungary turut membawa masuk pedagang-pedagang dari negaranya. Kebanyakan mereka tidak mahir dalam menguruskan perniagaan. Di samping itu, kerajaan juga tidak menunjukkan sikap yang prihatin untuk memperbaiki keadaan (FO 7/1026, 1881). Ini menyebabkan perdagangan menjadi semakin buruk dan tidak berkembang

dan hanya sebilangan kecil peniaga sahaja yang mampu meneruskan perniagaan mereka untuk tempoh yang lama.

Salah satu dari dasar Austria-Hungary di Bosnia Herzegovina adalah untuk mencari pasaran bagi barangannya. Oleh itu, barang-barang keperluan di Bosnia Herzegovina, hanya diimport secara khusus dari Austria-Hungary (FO 7/1026, 1881). Segala import dari negara luar seperti Turki dan Britain telah dimansuhkan. Sebelum ini kedua-dua negara tersebut merupakan eksport kain kapas yang bermutu di Bosnia Herzegovina, kini digantikan dengan fabrik dari Austria-Hungary. Pengimportan permaidani dari Rumelia turut dihentikan kerana kenaikan duti import dan masalah komunikasi.

Eksport

Sehingga tahun 1880, iaitu selepas kedatangan Austria-Hungary, eksport di Bosnia Herzegovina telah menurun dengan kadar yang tinggi berbanding semasa pentadbiran kerajaan Uthmaniah. Contohnya, buah kering yang merupakan dagangan penting negara itu dieksport pada kadar 10 kilogram berbanding yang sebelumnya di antara 15 ke 20 kilogram (FO 7/1026, 1881). Selain itu banyak barang-barangan eksport telah dikenakan sekatan oleh kerajaan Austria-Hungary. Antaranya sekatan ke atas kain kapas dan keluli. Kapas dari Bosnia Herzegovina tidak dibenarkan dieksport ke luar sebaliknya digantikan dengan kapas yang didatangkan dari Vienna. Begitu juga terhadap pengeksportan besi dan keluli yang merupakan industri penting di Bosnia Herzegovina, mengalami tekanan yang berterusan dan dikenakan kadar cukai yang tinggi oleh pihak berkuasa Austria-Hungary (FO 7/1026, 1881).

Keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa terdapat tiga sebab utama yang membawa kepada kegagalan bidang perniagaan di Bosnia Herzegovina (FO 7/1026, 1881):

1. Pemansuhan status perniagaan dalam bandar seperti di Novi Bazar dan beberapa bandar lain termasuk Serajevo. Serajevo sebelum ini, adalah pasar di mana semua penduduk memperolehi kain kapas dan kain bulu yang bermutu tinggi, tapi sejak pendudukan Austria-Hungary, Salonika mengambil tempat sebagai pusat perniagaan dan mengalihkan tumpuan penduduk dari Serajevo ke Salonika.
2. Kemusnahan Serajevo akibat dari kebakaran yang melanda bandar itu pada 1879 tidak dipulihkan sepenuhnya. Pasar ini adalah pasar utama bagi barang-barang kulit dan hasil pertanian.
3. Selain itu, kerajaan juga tidak menyediakan kemudahan pinjaman bagi peniaga-peniaga tempatan. Undang-undang pinjaman wang diperketatkan dan mengambil masa yang lama untuk diluluskan. Ini menyulitkan usaha pedagang-pedagang untuk menjanakan perniagaan mereka.

Apa yang dapat dikatakan, perniagaan dalam negeri hanya bertukar dari teruk kepada lebih buruk di bawah pentadbiran Austria-Hungary. Perdagangan dalam negara yang bertumpu di Serajevo telah berpindah ke bandar-bandar utama yang lain seperti di Trieste, Vienna, Pest, Grag dan bandar-bandar Austria yang lain. Keadaan ini banyak menjejaskan peniaga-peniaga dari Serajevo dan menjadi alasan utama untuk menggambarkan tentang kehancuran perdagangan dan ekonomi di Serajevo dan Bosnia Herzegovina (FO 7/1026, 1881).

Reformasi Sosial Bosnia-Herzegovina

Sistem Lalulintas

Pembinaan jalanraya dan jalan keretapi adalah antara perkara utama yang diberikan tumpuan oleh kerajaan Austria-Hungary. Ini hanya melibatkan pembinaan jalanraya di kawasan-kawasan yang strategik seperti di Serajevo. Jalan-jalan di Serajevo telah diperbaiki dan dilebarkan. Selain itu, kerja-kerja pembinaan keretapi turut dilaksanakan. Antara jalan keretapi utama yang dibina ialah dari Zenica ke Serajevo. Landasan keretapi dari Zenica ke Serajevo ini siap dibina pada tahun 1882, yang menghubungkan komunikasi antara Serajevo dengan Vienna. Perjalanan di antara kedua-duanya adalah memakan masa lebih kurang 50 jam (FO 7/1042, 1882).

Baron Kallay, telah bertindak menangguk masalah penting di Bosnia Herzegovina, iaitu masalah agraria yang melibatkan tuan tanah Muslim dengan penyewa Kristian. Ini semata-mata kerana beliau ingin memujuk tuan tanah Muslim supaya bersetuju dan menyokong projek landasan keretapi yang ingin dibina menghubungkan Bosnia Herzegovina dengan negara-negara Eropah ini (Milojkovic-Djuric, 2002:45). Namun begitu, keuntungan yang diperolehi hasil perkembangan dan kemajuan sistem komunikasi ini hanya dinikmati oleh kerajaan Austria-Hungary. Rakyat pula terpaksa menanggung kos pembinaan jalan keretapi di samping membayar cukai yang tinggi kepada kerajaan. Jalan keretapi ini sangat penting kepada kerajaan Austria-Hungary untuk tujuan ekonomi dan perdagangan mereka di Bosnia Herzegovina. Tujuan mereka adalah untuk membentuk dan menjadikan Bosnia Herzegovina sebagai zon ekonomi kepada Austria-Hungary (Milojkovic-Djuric, 2002:45).

Selain terpaksa membayar perbelanjaan jalan keretapi tersebut, kerajaan juga telah memperkenalkan sistem kerah atau buruh paksa ke atas penduduk tempatan. Undang-undang tersebut telah dikuatkuasakan pada 7 Julai 1892 (FO 7/1290, 1890). Rakyat tidak berpuas hati kerana kerajaan memaksa setiap individu lelaki yang berumur 16 tahun ke atas sehingga 60 tahun wajib memberikan perkhidmatan tersebut tanpa sebarang bayaran. Kerajaan telah mengenakan sejumlah wang yang tinggi bagi mereka yang inginkan pengecualian menyertai kerahan tenaga tersebut. Kebanyakan mereka tidak mampu untuk membayar wang pengecualian tersebut. Ramai orang tua yang tidak terdaya untuk melakukan kerja-kerja tersebut terpaksa akur kerana tidak mampu menyediakan wang pengecualian. Keadaan mereka menjadi semakin tertekan, kerana kebanyakan kawasan pembinaan itu terletak di luar daerah kediaman mereka, oleh itu semasa melakukan kerja-kerja tersebut, mereka berada jauh dari kaum keluarga untuk tempoh yang agak lama. Ini amat membimbangkan kaum keluarga tentang tahap kesihatan mereka. Rakyat Bosnia Herzegovina sama ada Muslim atau Kristian sama-sama menderita akibat projek landasan keretapi tersebut.

Selain itu, kebanyakan keluarga telah kehilangan tenaga kerja akibat sistem paksaan ini. Orang lelaki yang merupakan tenaga utama dalam keluarga untuk membantu menguruskan ladang-ladang terpaksa meninggalkan tanaman mereka untuk memberi perkhidmatan tersebut kepada kerajaan. Oleh itu ini juga telah membawa kerugian kepada keluarga petani-petani di Bosnia Herzegovina (Milojkovic-Djuric, J. 2002:46).

Bangunan

Dari segi pembinaan bangunan, kerajaan hanya menyediakan rumah-rumah untuk pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat dengan kerajaan termasuk kepada mereka yang bekerja dengan syarikat-syarikat tembakau. Sebaliknya, tiada sebarang pembangunan semula yang dilakukan ke atas rumah-rumah awam yang musnah akibat kebakaran yang melanda pada 1879 (FO 7/1026, 1881).

Kemudahan asas seperti jalanraya di bandar-bandar, selain Serajevo tidak begitu diberi perhatian oleh kerajaan. Kebanyakan jalanraya-jalanraya tidak dilengkapi dengan lampu-lampu dan tidak diperbaiki keadaannya. Sistem perparitan juga tidak menyenangkan di mana kebanyakannya telah tersumbat dan tidak dapat berfungsi dengan baik. Selain itu kerajaan juga tidak menyediakan bangunan-bangunan yang penting dan yang bersesuaian untuk aktiviti kemasyarakatan di bandar-bandar. Kerajaan juga telah mengeneipkan hak yang ada kepada wakil-wakil dari majlis bandaran yang bertanggungjawab dalam mengendalikan kebajikan asas masyarakat tempatan. Selain itu, ahli-ahli majlis perbandaran yang berkuasa pada masa pemerintahan kerajaan baru ini, bukannya dilantik oleh penduduk bandar tetapi dipilih oleh kerajaan tempatan. Oleh itu keadaan di bandar-bandar seperti di Serajevo tidak dalam keadaan yang sempurna.

Pendidikan

Dari segi pendidikan pula, sehingga 1880, sekolah kerajaan yang telah dibina adalah sebanyak 29 buah (FO 7/1006, 1880). Namun begitu, kenyataannya, ibu bapa lebih suka menghantar anak-anak mereka di sekolah komuniti masing-masing. Ini banyak berlaku terutamanya kepada penganut Kristian Ortodok. Mereka enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan yang dianggap dapat mengcroatiakan anak-anak-mereka. Kebanyakan kanak-kanak yang menghadiri sekolah tersebut adalah di kalangan anak-anak pegawai dan mereka yang mempunyai kepentingan dengan kerajaan Austria-Hungary (FO 7/1006, 1880).

Selain itu, walaupun banyak sekolah-sekolah dibina, kerajaan tidak mewajibkan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Ini berlarutan sehingga tahun 1887, tidak ada sebarang undang-undang yang mewajibkan anak-anak untuk bersekolah secara rasmi. Ini menyebabkan anak-anak dari golongan bawahan tercicir dari sistem pendidikan formal. Oleh itu, sebilangan kecil sahaja yang mengikuti sistem persekolahan di Bosnia Herzegovina.

Masyarakat Muslim amat menyedari bahawa mereka antara yang paling ketinggalan dari segi pendidikan berbanding dengan orang Kristian. Mereka ingin memperbaiki sistem pendidikan supaya lebih berkesan. Ini bertujuan supaya pelajar-pelajar dapat menamatkan pengajian mereka dalam tempoh 3 tahun berbanding 6 tahun pada masa ini. Oleh itu, mereka telah mengemukakan permasalahan pembelajaran orang Muslim yang jauh ketinggalan, dan meminta lebih banyak guru-guru yang berkualiti mengajar di maktab-maktab komuniti Islam. Namun, mereka dikatakan sengaja mewujudkan permasalahan tersebut kerana didorong oleh perasaan dendam terhadap kerajaan Austria-Hungary (FO 7/1304, 1900).

Selain masyarakat Muslim, komuniti Kristian Ortodok juga berharap agar dapat memperbaiki sekolah mereka dengan guru-guru yang lebih baik. Nama-nama calon yang dipilih itu telah disenaraikan kepada kerajaan tempatan bagi mendapatkan sokongan dan pengesahan. Namun begitu, usaha dan harapan mereka sia-sia sahaja kerana tidak mendapat sebarang reaksi dan tindak balas dari kerajaan (FO 7/1006, 1880). Mereka tidak pernah mendapat jawapan yang munasabah dari kerajaan sebaliknya didesak supaya menghantar anak-anak mereka di sekolah kerajaan. Mereka menegaskan bahawa mereka telah diberikan kebebasan yang sepenuhnya dalam bidang pendidikan pada masa kerajaan pemerintahan Uthmaniah. Kerajaan Uthmaniah tidak pernah menyekat atau menghalang aktiviti-aktiviti di sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh komuniti Kristian Ortodok. Ini menimbulkan kemarahan dan protes di kalangan masyarakat Kristian Ortodok terhadap kerajaan Austria-Hungary yang dianggap sebagai suatu tindakan yang tidak berasas kerana sengaja melewatkan sokongan terhadap sekolah mereka.

Kesimpulan:

Kedatangan Austria-Hungary ke Bosnia Herzegovina seperti yang dipersetujui oleh kuasa-kuasa Besar, dalam Perjanjian Berlin 1878, adalah untuk memulihkan keamanan di wilayah tersebut dengan memperbaiki taraf hidup ekonomi dan sosial Bosnia-Herzegovina. Oleh yang demikian kerajaan Austria-Hungary cuba memperkenalkan reformasi dalam bidang-bidang tersebut di Bosnia-Herzegovina. Namun begitu, reformasinya gagal membawa keamanan dan kesejahteraan di Bosnia Herzegovina tetapi berjaya mengukuhkan kedudukannya di Bosnia-Herzegovina. Ini dapat menjelaskan bahawa masyarakat Bosnia Herzegovina tidak menerima pentadbiran Austria-Hungary di Bosnia Herzegovina sejak 1878 sehingga tahun 1908. Ini juga secara tidak langsung menggambarkan bahawa reformasi yang diperkenalkan oleh kerajaan Austria-Hungary gagal memenuhi harapan Kuasa-kuasa besar untuk memberi keamanan kepada Bosnia Herzegovina.

Rujukan

Milojkovic-Djuric,J. 2002. *The Eastern Question and The Voices Of Reason: East European Monograph Builder*. New York: Columbia University Press.

Noel Malcolm. 1994. *Bosnia A Short History*. London: Macmillan Publishers Ltd,.

FO 7/1005, 1880.

FO 7/1006, 1880.

FO 7/1026, 1881.

FO 7/1042, 1882.

FO 7/1290, 1890.

FO 7/1304, 1900.